



Aspek moral dalam drama muzikal *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* karya Hatta Azad Khan

Saidah Sakinah Amferim¹, Nur Afifah Vanitha Abdullah¹

¹Program Persuratan Melayu, Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Nur Afifah Vanitha Abdullah (email: nurafifah@ukm.edu.my)

Abstrak

Drama muzikal merupakan gabungan elemen muzik, nyanyian dan tarian dalam penceritaan. Bermula daripada hanya elemen komedi, elemen muzikal telah berkembang menjadi lebih dekat dengan permasalahan manusia dalam kehidupan harian yang sebahagiannya menjadi sangat dramatik. Hatta Azad Khan menghasilkan drama muzikal yang kebanyakannya mengangkat isu masyarakat. Namun, dalam penghasilan sesebuah drama terdapat elemen yang menjadi tunjang kepada penciptaannya. Ia jelas dilihat dari sudut dalaman teks. Hatta menghasilkan drama bukan sebagai hiburan semata-mata namun terdapat mesej yang perlu dirungkai oleh penonton. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan “Apakah kritikan moral yang cuba disampaikan oleh Hatta dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*?”. Bagi menjawab persoalan tersebut, pengaplikasian pendekatan moral dilihat sesuai untuk mengkaji aspek dalaman teks selain menyentuh aspek pengajaran. Kajian ini berbentuk penyelidikan asas atau fundamental dengan menggunakan kaedah kualitatif. Makalah ini mendapati bahawa Hatta seorang dramatis sosial tentang masyarakatnya apabila penelitian terhadap aspek dalaman teks drama mempunyai banyak nilai moral yang selari dengan tema yang dibawa berkaitan persoalan-persoalan tentang kemanusiaan. Lantas tidak mustahil hasil karya beliau dapat mendidik audiens.

Kata kunci: dramatis sosial, drama muzikal, Hatta Azad Khan, karya, moral, pengajaran

Moral aspects of muzikal *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* by Hatta Azad Khan

Abstract

Musical drama is a combination of music, singing and dancing into a storyline. From mere comedy, musical has developed and portrays daily lives of human problem which are often dramatic. Hatta Azad Khan is a successful playwright that has produced musical drama that mostly portrays societies issues. However, in producing a drama, there exist core elements that features its creation. It is depicted from an internal text structure. Hatta not only produces drama for entertainment, but his plays carries message that need to be read or understood through watching his plays. Hence, this study is conducted to answer the question “What are Hattas’ moral criticism in *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*?”. To answer this question moral approach is applied as an analysis of the internal text structure as well as lessons drawn. This study is a basic research that utilizes a qualitative research design. This paper reveal Hatta as a societal social dramatist where the internal text of his drama has many moral values in his play that are parallel with the humanistic theme. Hence it is not a surprise that his works are able to educate his audience.

Keywords: social dramatist, musical drama, Hatta Azad Khan, works, moral, lesson

Pengenalan

Istilah drama telah lahir sejak zaman Greek lagi. Mengikuti fahaman orang Yunani, drama boleh ditafsirkan sebagai gerak yang mempunyai kaitan dengan pergerakan tingkah laku manusia. Apa-apa yang berlaku terhadap manusia secara sedar ataupun tidak adalah berbentuk dalam perlakuan drama. Oleh itu, drama tidak boleh dipisahkan dengan manusia kerana dalam menonton sesebuah drama, seseorang itu akan menyaksikan penglibatan manusia. Melalui drama seseorang dapat melihat sesuatu perlakuan manusia yang digarap melalui lakonan drama. Dalam sesuatu lakonan drama sebenarnya manusia melakukan perlakuan manusia lain untuk memberi tontonan kepada manusia lain. Sesungguhnya khalayak yang menonton mendapat pengajaran dan hiburan melalui drama yang dipersembahkan, tetapi sebenarnya apa yang mereka saksikan adalah kritikan terhadap perlakuan audiens itu sendiri (Abdul Rahman, 1991). Drama boleh dikategorikan kepada beberapa sub-genre mengikut ciri-ciri yang telah dikenalpasti dan ia termasuklah drama muzikal yang merupakan salah satu bentuk drama di Malaysia.

Drama muzikal merangkumi kaedah penceritaan melalui muzik, nyanyian, tarian dan lakonan yang meliputi elemen *spectacle* (pemandangan, set dan lain-lain) yang indah berwarna dan bertukar pentas (Hatta Azad Khan, 2008). Drama muzikal mula mendapat tempat di hati masyarakat pada tahun 1970-an. Hal ini seiring dengan kelahiran sebuah drama muzikal dalam bahasa Melayu pertama pada tahun 1972 iaitu *Muzika Uda dan Dara* karya Usman Awang yang ditulis berdasarkan puisi *Gadis di Kuburan*. Muzikal tersebut telah dipentaskan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya. Rentetan dari itu muncul pula *Muzika Kuala Lumpur! Kuala Lumpur!* di Panggung Bandaraya, Kuala Lumpur. *Muzika Uda dan Dara* diarahkan oleh Rahim Razali dan diterbitkan oleh Krishen Jit. Pelakon utamanya ialah Ahmad Yatim, Faridah Merican, Kamaliah Mohd Dom, Rahim Razali, Mohd Nor Azam, Ahmad Tarmimi Siregar dan Sabariah Ishak. Muziknya digubah oleh Basil Jayatilaka dan dimainkan secara langsung dengan kombo yang terdiri daripada piano, dram, flut dan gitar. *Muzikal Kuala Lumpur! Kuala Lumpur!* diarahkan oleh Rahim Razali juga dengan pelakon utamanya Mustaffa Noor dan Sharifah Aini (Hatta, 2008). Setelah lembaran dalam bentuk drama baru ini mula mencuri perhatian ramai, maka pada tahun-tahun mendatang lahirlah lebih ramai dramatis yang menceburkan diri mereka dalam penghasilan drama muzikal. Peluang tersebut tidak dilepaskan oleh Hatta Azad Khan sehingga lahirlah karya muzikal sulungnya yang bertajuk *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* pada tahun 1994.

Hatta Azad Khan ialah dramatis yang tidak asing lagi dalam perkembangan drama di Malaysia terutamanya pada tahun 1970-an apabila beliau merupakan salah seorang pelopor kepada drama eksperimental. Antara drama eksperimental yang dihasilkan oleh Hatta ialah *Kerusi*, *Patung-Patung* dan *Mayat* yang antara lain merupakan karya yang masih popular dan menjadi pilihan bagi sebarang pementasan teater. Selain drama eksperimental, Hatta turut menghasilkan drama berbentuk muzikal termasuklah *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Muzikal ini telah dipentaskan di Panggung Sari, Istana Budaya pada 24 November sehingga 3 Disember 2006 (Hatta, 2008). Drama ini secara umumnya merupakan pengembangan daripada sitkom televisyen *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang berjaya bertahan di kaca televisyen selama hampir 30 tahun. Drama ini merupakan satu muzikal yang menarik bukan sahaja dari segi bahan penceritaan malahan dari segi pengupasan dan pemaparan antara lakonan dan realiti, permainan dan kenyataan, pelakon dan individu. Sitkom yang begitu popular dan berjaya, memberi ganjaran kepada sekumpulan pelajar universiti pergi ke Pangsapuri Seri Wangi untuk memerhati dan melibatkan diri dengan orang-orang yang menjadi bahan cerita dan pemaparan watak. Dari segi teori pembikinan drama, muzikal ini seolah-olah memaparkan satu pengrealisasian teori pembikinan teater, pelajar atau penyelidik mencari warga yang dijadikan watak oleh pencipta drama. Apa yang menarik lagi ialah apabila penyelidik menemui dan terus memerhati penduduk tersebut, penyelidik mendapati bahawa warga tulen lebih berwibawa dan lebih handal menghidupkan peranan mereka. Ini sewajarnya berlaku kerana mereka adalah warga benar bukan pelakon yang cuba menghidupkan watak atau peniruan itu. Perasaan iri hati, prejudis dan *angst* yang dilalui watak (warga, penyelidik dan pelakon) memberi satu kelainan yang memantapkan lagi muzikal ini (Hatta, 2008).

Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu sememangnya mempunyai banyak pengajaran dan aspek moral yang dapat dijadikan garis panduan kepada masyarakat yang menghayatinya. Hatta tidak pernah

terlepas daripada mengangkat situasi sebenar yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat ke dalam karyanya begitu juga halnya yang berlaku di dalam drama muzikal ini. Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini menghuraikan beberapa dapatan bagi menjawab persoalan, “Apakah yang cuba disampaikan oleh Hatta Azad Khan melalui *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dari sudut dalaman teks?”. Kertas kerja ini mengaplikasikan pendekatan moral bagi memperoleh jawapan kepada segala persoalan. Oleh itu, objektif kertas kerja ini ialah untuk:

- i. Meneliti kepengarangan Hatta Azad Khan dan latar belakang teks *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*.
- ii. Mengkaji teks *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dari segi isi karya yang meliputi tema, persoalan, pemikiran, mesej, motif dan falsafah.
- iii. Menganalisis nilai dan pengajaran yang terdapat di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*.

Metodologi kajian

Kajian ini berbentuk penyelidikan asas atau fundamental. Ia dikenali juga sebagai penyelidikan tulin. Penggunaannya adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang sesuatu prinsip asas. Penyelidikan asas memfokuskan untuk menambahbaik pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu bidang kajian. Oleh itu, kertas kerja ini merupakan kajian untuk menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang kesusasteraan terutamanya tentang kritikan drama muzikal. Kaedah kajian yang digunapakai ialah kaedah kualitatif. Kaedah ini adalah berteraskan kepada penafsiran yang menitik beratkan dunia sosial yang ditafsir, difahami, dialami dan dihasilkan (Shaiful Bahri, 2016).

Kajian ini menggunakan sumber bahan rujukan sekunder seperti buku, tesis, jurnal, akhbar dan laman sesawang bagi memperkukuhkan dapatan analisis. Bahan utama bagi kajian ini ialah teks *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang diterbitkan dalam *Tiga Teater Muzikal* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2008. Seterusnya data juga diperolehi melalui beberapa bahan perpustakaan yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi melengkapkan dan menyempurnakan hasil kajian. Perpustakaan yang dikunjungi semasa menyempurnakan kajian ialah Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Bilik Pusat Sumber, Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Selain teks drama, bahan-bahan tentang kritikan sastera yang menyentuh mengenai pendekatan moral juga ditekankan. Hal ini demikian kerana kertas kerja ini mengaplikasikan pendekatan moral bagi mengupas aspek dalaman teks drama.

Jika diselusuri menerusi sejarah pendekatan moral, ia telah dimulakan sejak zaman Greek lagi. Plato dalam *Republic* sudah menegaskan betapa pentingnya moral dalam sastera. Plato juga meletakkan syarat bahawa mesej atau perutusan sesebuah karya adalah penting. Tanpa mesej, maka karya itu tidak mempunyai apa-apa pengertian. Horace dalam *Ars Poetica* pula menegaskan, di samping unsur hiburan, sesebuah karya sastera mestilah mengandungi unsur pendidikan. Dalam zaman Kegelapan Eropah, telah muncul genre *Morality Play* yang menceritakan kisah-kisah nabi daripada Bible, membicarakan tanggungjawab paderi di gereja dan mengemukakan cara-cara untuk memperbaiki perangai manusia (Jackson, 1970). Drama-drama ini banyak memberikan panduan kepada para pengkaji untuk membina teori nilai dan teori sastera dalam kritikan sehingga prinsip kritikan pada waktu itu ditentukan oleh isi dan moralitinya. Teori dan aplikasi kritikan zaman itu banyak memberikan kesan kepada pendekatan moral ini.

Apabila munculnya zaman Renaissance iaitu yang mengunapakai kod bahawa manusia mempunyai taraf yang jauh lebih tinggi daripada haiwan dan yang membezakannya ialah sifat taakulan dan moralnya. Oleh itu, karya sastera telah diarahkan bagi menghidupkan watak yang benar-benar rasional dan bermoral. Dalam usaha ini, terciptalah aliran humanisme ataupun fahaman kemanusiaan. Dalam pengertian falsafah, humanisme ialah suatu tanggapan di mana manusia berpusat kepada kehidupan alam yang bertaraf tinggi berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Ketinggian taraf ini ditentukan oleh moral. Moral itu pula menentukan bahawa manusia haruslah mempunyai peraturan, disiplin dan batasannya. Humanisme dan moral ini sentiasa mendapat perhatian daripada para kritikawan berpendekatan moral untuk dijadikan dasar kritikan (Mana, 1998).

Dalam aplikasinya, Paul Elmer More telah menggunakan pendekatan moral di abad ke-20. Kemudian usaha ini dilanjutkan oleh Norman Forester, Elliot GR, Robert Shafer, Graham Munson dan ramai lagi. Di England, telah lahir pengkritik-pengkritik yang cukup berpotensi, seperti Leavis FR dan di Amerika pula, Yvor Winters. Perbincangan mereka lebih mengutarakan tentang pendifusian serta pengasimilasian humanisme dan moraliti dalam kritikan moralistik adalah sangat ketara dan mendalam. Pada dasarnya, mereka menyatakan bahawa moral dalam sastera ada kaitannya dengan ideologi. Misalnya, ideologi Marxis dengan gambaran pertentangan kelas, merupakan unsur moral dalam sastera. Begitu juga ajaran keagamaan dan akhlak dapat dianggap sebagai unsur moral yang boleh dijadikan neraca kritikan. Oleh itu, humanisme ideologi dan agama menjadi tulang belakang atau premis pendekatan kritikan moral. Dalam beberapa pandangan lain terhadap dunia kritikan, ada kajian yang mengkategorikan kritikan moral ini sebagai kritikan bercorak falsafah. Meskipun pendekatan falsafah atau idea itu dapat dipisahkan serta boleh berdiri sendiri, tetapi banyak pendapat yang merumuskan bahawa pendekatan moral dan falsafah mempunyai prinsip dan sejarah yang hampir sama. Wellek dan Warren (1949) tidak membicarakan kritikan moral, tetapi membahaskan kritikan falsafah dengan membincangkan aspek-aspek moral.

Pendekatan falsafah menekankan aspek idea atau isi karya, sama juga dengan pendekatan moral. Cuma, pendekatan falsafah lebih memerhatikan sistem-sistem pemikiran, ideologi dan falsafah itu sendiri. Aliran falsafah juga mempengaruhi kesusasteraan, ini termasuk tokoh-tokoh besar ahli falsafah seperti Plato, Aristotle, Razanov, Berdyev, Neitszhe dan lain-lainnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa aliran pemikiran dan falsafah mempengaruhi kesusasteraan dan kritikan sastera.

Terdapat beberapa konsep dan prinsip utama kritikan pendekatan moral. Pertama, pendekatan moral atau disebut juga moralistik berpendapat bahawa hasil sesebuah karya sastera adalah ciptaan yang harus disanjung dan dimuliakan. Ia berbeza dengan hasil seni yang lain seperti tarian, nyanyian, ukiran dan lukisan. Bidang penulisan, tidak sahaja memerlukan bakat dan kemahiran semulajadi, tetapi seseorang pengarang itu harus juga mempunyai visi, aspirasi dan perjuangan dalam penyuguhan karyanya. Ilham yang datang mestilah diteliti dan difikirkan buruk baiknya, kemudian barulah dituliskan dengan penuh kesedaran.

Kemudian sesebuah karya sastera adalah disebabkan oleh adanya usur-unsur falsafah, pemikiran atau premis yang menjadi tulang belakang karya tersebut. Karya yang baik haruslah bermoral dan ketinggian sesebuah karya pula bergantung kepada ketinggian moral tersebut. Kesimpulannya, sesebuah karya itu wajib mempunyai moral kerana ia sebagai neraca yang menentukan nilainya. Karya-karya yang tidak mementingkan moral dianggap tidak bernilai. Misalnya, dalam sesuatu zaman yang menganggap bahawa moral yang baik terletak pada pemeliharaan maruah jantina, maka sastera bercorak seks tidak boleh diterima masyarakat.

Kedua, pendekatan moral lebih mementingkan isi daripada bentuk. Aspek isi ialah cerita dan persoalan yang dibincangkan dalam karya. Isi karya pula ditentukan oleh corak dan aliran masyarakat waktu itu, lebih-lebih lagi persoalan yang menjadi topik semasa. Sebagai contoh, masyarakat yang mementingkan pembangunan fizikal dan mental dalam ilmu sains dan teknologi, maka karya yang baik haruslah mengandungi moral sains dan teknologi. Bagi sesebuah masyarakat yang sedang membina ekonomi dan meninggikan taraf hidup, sastera bermoral ialah yang sama-sama mendukung cita-cita ke arah tersebut. Begitulah seterusnya, isi atau moral karya ditentukan oleh kondisi dan situasi semasa.

Apabila dikatakan bahawa pendekatan ini lebih mementingkan isi daripada bentuk, bererti ia tidak memberikan pertimbangan wajar terhadap eksperimen atau pengembangan komponen-komponen yang membina bentuk atau struktur. Justeru itu, penelitian atau analisisnya tidak memberikan tempat yang wajar terhadap penerokaan pengarang dari struktur romantisme ke realisme, kemudian bergerak ke arah abstrak dan absurdisme. Teknik dan mekanisme pembinaan plot atau bagaimana menggunakan jurus pandangan supaya sesuai dengan tema, kurang mendapat perhatian dari pendekatan ini. Apa yang dipentingkan ialah isi yang hendak disampaikan. Bentuk hanyalah sebagai alat untuk menyampaikan isi atau moralnya. Karya yang baik ialah yang bermoral, walaupun dari sudut bentuknya tidak begitu baik. Bagaimanapun, ini tidak bererti pendekatan moral mengabaikan terus-menerus aspek bentuk dalam karya. Ia juga mengerti betapa mustahaknya penyesuaian di antara isi dengan bentuk, cuma penekanan diutamakan kepada isi.

Ketiga, menganalisis sastera dari sudut didaktis. Menurut Karl Beckson dan Arthur Ganz (1972), didaktis dalam sastera ialah karya yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan doktrin yang boleh memandu para pembaca ke sesuatu arah dan tujuan. Sama ada arah dan tujuan itu kepada sosial, pendidikan, politik atau apa juga, yang penting karya itu mempunyai unsur-unsur yang boleh mengajak para pembaca berfikir dan mengikut landasan yang telah ditentukan. Sesungguhnya moral itu bererti mendidik, mengajar, membimbing dan memandu pembaca dan juga penulisnya. Sesuai dengan fungsi didaktisnya, pendekatan ini memberi keutamaan kepada karya yang penuh dengan pengalaman benar dan fakta serta berisi dengan kebijaksanaan dan kepintaran yang akan dijadikan sebagai bahan pemikiran oleh para pembacanya. Walaupun kriteria pengalaman dan kebijaksanaan satu cara biasa mendekati hasil sastera, tetapi pendekatan moral lebih mengkhususkan penilaiannya terhadap aspek tersebut.

Menurut Zainon (2008), pendekatan moral dalam kritikan sastera Melayu mempunyai prinsip-prinsip yang jelas menunjukkan perbezaan dengan pendekatan lain. Prinsip pertama ialah pendekatan moral mementingkan isi daripada bentuk. Aspek isi ialah cerita dan persoalan yang dipaparkan dalam karya. Isi karya pula ditentukan oleh corak dan aliran masyarakat waktu itu. Biasanya ia merupakan persoalan yang menjadi topik perbincangan semasa. Sebagai contoh, sebuah masyarakat yang sedang membina kekuatan hubungan kekeluargaan, sifat menghormati warga emas yang telah banyak berjasa kepada keluarga, bangsa dan negara. Justeru, sastera bermoral ialah yang sama-sama mendukung cita-cita ke arah tersebut. Pendekatan moral memberi penilaian dan keutamaan kepada unsur-unsur moral sebagai karya yang baik walau dari segi bentuknya tidak begitu.

Prinsip kedua dalam pendekatan moral ialah sesebuah karya sastera yang bermoral harus disanjung dan dihargai. Prinsip asas yang menjadi tunjang penghasilan karya sastera dari sudut pendekatan ini ialah karya yang baik haruslah bermoral. Dari itu penilaian yang tinggi diberi kepada karya-karya yang mementingkan unsur moral dalam penciptaan.

Prinsip ketiga ialah penekanan kepada unsur didaktik dalam karya. Untuk membuat penganalisaan, penelitian, penilaian sesebuah karya sastera, maka pendekatan moral akan memberi keutamaan kepada unsur pengajaran dan unsur-unsur didaktis. Sebuah karya sastera seharusnya mempunyai suatu tanggungjawab sosial, mempunyai etika iaitu bertindak sebagai alat untuk memperbaiki moral masyarakat. Oleh itu, karya sastera yang mengandungi unsur moral boleh memandu para pembaca ke suatu arah dan tujuan kebaikan.

Prinsip keempat dalam pendekatan moral adalah berdasarkan kepada agama atau etika tertentu. Dalam kesusasteraan Melayu aspek moral berkait rapat dengan nilai-nilai pengajaran agama Islam. Prinsip kelima pula mementingkan nilai-nilai serta norma masyarakat Melayu. Wujud saling bergantung antara kedua-dua unsur di atas kerana nilai dan norma masyarakat Melayu menentukan tahap moral karya sastera Melayu.

Prinsip keenam dalam pendekatan moral juga mempunyai dasar-dasar yang telah ditetapkan iaitu untuk membangunkan aspek-aspek kemasyarakatan dan aspek kesejarahan sesuatu bangsa. Karya sastera itu juga sebagai sumbangan bagi meninggikan adab masyarakat manusia dan kemanusiaan. Ia bertujuan untuk memajukan moral dan akhlak secara universal.

Prinsip ketujuh pula menyatakan bahawa nilai-nilai moral bersifat dinamik dan tidak statik, maka nilai-nilai moral dalam masyarakat yang ditampilkan dalam karya-karya terus berubah mengikut zaman dan perubahan nilai masyarakat terus mempengaruhi karya sastera.

Sebanyak tujuh prinsip yang dinyatakan menurut kritikan sastera Melayu namun kajian lebih menekankan prinsip pertama dan ketiga iaitu pendekatan moral yang menekankan aspek isi karya dan ia juga perlulah mempunyai pengajaran supaya dapat memberi manfaat kepada khalayak pembaca.

Kajian literatur

Tinjauan hasil kajian oleh para pengkaji yang lalu mendapati bahawa kajian terhadap drama muzikal masih kurang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang lebih menjurus kepada topik kajian ini iaitu kajian terhadap karya Hatta Azad Khan dan kajian mengenai drama sebagai medium pendidikan yang menjurus kepada pendekatan moral. Kajian mengenai karya Hatta telah diusahakan oleh Ahmad Zaidi (2010) dan Abdul Rahman (1991). Para

pengkaji yang melakukan penyelidikan terhadap drama secara umum ialah Raja Sabaradin (1998) dan Irasha (1999) manakala kajian oleh Mawaddah (2004) lebih menfokuskan kepada drama muzikal. Selain itu, terdapat juga kajian yang menggunakan pendekatan moral tetapi kajian dilakukan terhadap genre sastera hikayat. Kajian tersebut telah diusahakan oleh Noor Nazihah (2011) dan Nor Azlina (2011). Berikut merupakan huraian kepada kajian-kajian lalu:

Ahmad (2010) dalam kajiannya terhadap karya Hatta Azad Khan iaitu drama *Patung-Patung* telah menekankan terhadap persoalan dan pemikiran Hatta di dalam karya tersebut. Kajian beliau memfokuskan kepada pemikiran Hatta dari sudut pandangan masyarakat dan telah menggunakan Teori Persuratan Baharu dalam menganalisis data. Kaedah yang digunakan dalam untuk mengumpulkan dan mengkategorikan data ialah analisis kandungan, data-data itu kemudiannya dianalisis dengan menggunakan pelbagai gaya persoalan, pemikiran dan pendekatan dalam menyusun dan mengolah aspek dramatik dari teks *Patung-Patung*. Perbincangan ini melihat kepada persoalan yang banyak dikemukakan oleh Hatta dalam ketiga-tiga drama iaitu *Mayat*, *Patung-Patung* dan *Kerusi*. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai persoalan dalam ketiga-tiga drama tersebut di samping pemikiran yang dikemukakan oleh Hatta banyak memberi pangajaran kepada masyarakat dan ia bersesuaian dengan teori yang telah dipilih.

Seterusnya ialah kajian terhadap drama teater *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dan *2+1* dari segi memaparkan hiburan dan sindiran yang dilakukan oleh Abdul Rahman (1991). Skop kajian beliau ialah untuk melihat setakat mana kedua-dua drama tersebut menampilkan persembahannya berlandaskan hiburan atau sindiran, ataupun kedua-duanya sekali. Beliau menggunakan kaedah temu bual mengikut garis panduan melalui *questionnaire*. Responden yang dipilih merupakan audiens yang menonton kedua-dua drama teater tersebut yang dipentaskan di Universiti Kebangsaan Malaysia secara keseluruhan episodnya. Kajian beliau turut menilai tahap penilaian responden terhadap kedua-dua persembahan drama tersebut secara keseluruhan.

Drama sebagai medium pengajaran telah dilakukan oleh Raja Sabaradin (1998). Kajian beliau lebih menfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah. Tujuan kajian beliau ialah untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaan dan keberkesanan drama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian mendapati bahawa para pelajar sangat berminat dan mengakui mereka dapat menguasai kemahiran berbahasa melalui aktiviti drama. Tegasnya, kajian beliau mendapati bahawa kaedah pelaksanaan drama dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi kesan yang positif kepada murid sekiranya guru dapat melaksanakan secara terancang.

Mawaddah (2004) dalam kajian untuk pemerolehan Ijazah Sarjana Sastera telah menghasilkan kajian tentang *Drama muzika di Malaysia: Satu Kajian Bentuk dan Ciri*. Kajian beliau memperlihatkan bentuk dan ciri-ciri drama muzika di Malaysia oleh kerana drama tersebut merupakan bentuk baru di Malaysia. Drama muzika menggabungkan tiga unsur iaitu lakonan, tarian dan nyanyian. Oleh itu kaedah kajian yang dipilih bagi mengenalpasti bentuk dan ciri-ciri tersebut ialah kaedah kepustakaan, kaedah tinjauan (temu bual) dan kaedah pemerhatian. Analisis kajian mendapati bahawa drama yang dipilih iaitu *Muzika Si Tenggang*, *Muzika Rubiah* dan *Muzika Uda dan Dara* adalah bertetapan dengan konsep drama muzika. Selain itu, drama-drama tersebut turut memaparkan mesej-mesej yang bertujuan untuk mendidik dan memberi pengajaran kepada khalayak. Sebagai tambahan kajian mendapati bahawa drama muzika di Malaysia hanya bersifat separuh muzika berbanding di Barat yang bersifat muzika sepenuhnya.

Irasha (1999) pula melakukan kajian tentang kritikan drama yang terdapat dalam *Dewan Sastera* di Malaysia. Kajian yang dilakukan bertujuan untuk membincangkan mengenai kritikan drama Melayu dengan mengkaji bentuk kritikan dan juga aliran pemikiran yang dilakukan oleh para pengkritik drama tanah air. Kajian tertumpu kepada kritikan-kritikan drama yang tersiar di dalam majalah *Dewan Sastera* antara tahun 1971 sehingga 1997. Kaedah kajian ialah perpustakaan dan kerja lapangan dan data-data dianalisis secara deskriptif dan kualitatif. Kajian mendapati bahawa dari segi perkembangan drama, para pengkritik menunjukkan tindak balas yang semakin matang dan mula menerapkan teori-teori kritikan moden dan juga pascamoden dalam kritikan mereka. Teori kritikan yang digunakan seperti kritikan struktural, sosiologi dan psikologi sementara kritikan pascamoden seperti semiotik, intertekstualiti dan resepsi.

Noor Nazihah (2011) pula telah memilih pendekatan moral untuk alat menganalisis sastera hikayat. Kajian beliau yang bertajuk *Hikayat Khalilah dan Daminah: Satu Analisis dari Pendekatan*

Moral bertujuan untuk mendedahkan pembaca kepada aspek-aspek pengajaran untuk dijadikan panduan. Penggunaan pendekatan moral menitikberatkan tujuan sesebuah karya dihasilkan iaitu sebagai alat untuk meningkatkan mutu kehidupan serta memperbaiki tingkah laku masyarakatnya. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat aspek moral yang positif dan negatif dalam teks yang diharapkan dapat memberi manfaat dan sumbangan besar kepada pembentukan individu serta masyarakat mengikut kehendak Islam.

Kajian terhadap genre sastera hikayat yang menggunakan pendekatan moral juga diusahakan oleh Nor Azlina (2011) menerusi kajian *Hikayat Bakhtiar: Kajian Teks Berdasarkan Pendekatan Moral*. Kajian terdiri daripada lima buah cerita yang mengandungi pelbagai bentuk nilai moral yang wajar dicontohi dan diteladani. Penganalisisan dilakukan dengan cara mengenalpasti nilai-nilai moral dan immoral dalam setiap watak yang terdapat dalam teks kajian. Pendekatan moral dianalisis melalui watak dan perwatakan yang terdapat dalam teks untuk meneliti sejauh mana nilai-nilai moral itu diaplikasikan oleh pengarang.

Berdasarkan kenyataan di atas, ia jelas menunjukkan bahawa kajian yang spesifik terhadap *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* karya Hatta Azad Khan dan yang menggunakan pendekatan moral masih belum ditemui. Oleh itu, kajian yang dipilih ini diharapkan dapat memberi sumbangan bidang kritikan drama muzikal.

Hasil kajian dan perbincangan

Kepengarangan Hatta dapat dilihat dari sudut latar belakang kehidupan, karya dan keistimewaan karya. Selain itu, pengupasan juga menyentuh mengenai anugerah dan pengiktirafan yang berjaya diperolehi Hatta sepanjang penglibatan beliau dalam dunia drama dan teater tanah air. Seterusnya perbincangan menjurus kepada latar belakang drama *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang telah dipilih sebagai bahan kajian bagi analisis pendekatan moral.

Mohamad Hatta Azad Khan dilahirkan pada tahun 1952 di Jerneh, Terengganu dan merupakan seorang dramatis tanah air. Beliau mendapat pendidikan awal di Terengganu dan pendidikan menengah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh, Perak dan kemudiannya telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia dengan tempoh pengajian selama 3 tahun (1974-1977) dalam bidang teater, komunikasi dan seni halus. Sebahagian karya beliau yang sudah diterbitkan ialah *Kerusi* (1976), *Patung-patung* (1977), *Mayat* (1978), *Stesen* (1978), *Puteri Gunung Ledang* (1981), *Jebat* (1982), *Syyy!...* (1984), *Awang* (1985), *Nasib* (1986), *Korporat* (1993), *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994), *Muzikal Tun Perak* (2000), dan *Muzikal Kampung Baru* (2006). Pada era 70-an drama lebih menjurus kepada nilai estetika dan secara umum ia dikenali sebagai drama kontemporari. Dalam kemunculan drama berbentuk baru ini, apa yang menarik ialah Hatta merupakan salah seorang pelopor yang muncul secara tegas di hadapan peminat teater tanah air.

Menurut Krishen (1982), Hatta juga telah menghasilkan tiga buah drama lagi iaitu *Awang*, *Jebat* dan *Puteri Gunung Ledang*. Penghasilan drama sebanyak tujuh buah pada anggaran tahun yang agak sama memperlihatkan kerajinan serta ketekunan daya penciptaan Hatta. Tambahan pula, apabila Hatta kembali ke Malaysia setelah memperolehi ijazah M.A dalam jurusan teater dari Universiti Purdue, Hatta telah menampilkan dirinya sebagai pengkritik teater yang cergas. Mana Sikana dalam *Dewan Sastera* (1981) menyatakan meskipun secara fitrah bahawa pemaparan drama *Patung-Patung* mirip kepada *Boneka* karya Onn Abdul Rahman dan *Mayat* dengan novel Putu Wijaya namun, kedua-dua drama tersebut mempunyai keistimewaannya dari aspek bahasa yang digunakan iaitu lucu dan sinis. Secara keseluruhannya, apabila memperkatakan mengenai drama-drama eksperimental Hatta, khalayak akan menemui bahawa Hatta tidak banyak berfalsafah malah persoalan yang diutarakan mudah diikuti. Keadaan ini menunjukkan perbezaan Hatta dengan dramatis ekperimental yang lain.

Di dalam drama muzikal pula, Hatta berjaya membawa isu semasa yang berlaku dalam masyarakatnya ke dalam drama yang dihasilkan. Penghasilan sesebuah teks drama secara umum merupakan pemaparan keadaan sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, pemilihan *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pernyataan tersebut. *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* berkisarkan tentang Juliet yang membesar seiring dengan kelahiran sitkom televisyen

Pi Mai Pi Mai Tang Tu yang mula ditayangkan di kaca televisyen. Ia berjaya bertahan selama hampir 20 tahun. Oleh itu, Juliet telah tertawan dengan rancangan tersebut. Apabila umurnya meningkat dewasa, Juliet telah menyambung pelajaran di salah sebuah universiti tempatan. Dia kemudiannya dibawa oleh rakan-rakannya ke sebuah perkampungan setinggian yang kononnya tempat itu merupakan titik permulaan kepada penulis siri sitkom tersebut. Setelah tamat pengajian, Juliet berkeinginan untuk melakukan penyelidikan untuk mengenali secara terperinci mengenai masyarakat di Kampung Seri Wangi yang telah berpindah ke Pangsapuri Seri Wangi dengan harapan untuk mementaskan sebuah *Muzikal Seri Wangi* bersama watak-watak sebenar. Sebaik mengetahui identiti dan niat Juliet, maka Budin, Mat Deris, Mat Over, Lucy, Mak Ngah dan Pak Uda yang merupakan penduduk di pangsapuri berkenaan mula menunjukkan bakat masing-masing bagi melayakkan diri mereka dalam pementasan muzikal. Namun, hanya Wan Semail sahaja yang pada mulanya merasa ragu-ragu untuk menyertai tapi akhirnya dia memutuskan untuk bersetuju. Perubahan keputusan yang dilakukan oleh Wan Semail disebabkan oleh kesedarannya bahawa pelakon di dalam siri televisyen itu sebenarnya meniru watak-watak sebenar penduduk Pangsapuri Seri Wangi. Dengan kata sepakat penduduk tersebut berani menahakuti cabaran bagi membuktikan bahawa mereka semua itu lebih hebat dari barisan pelakon dalam siri sitkom tersebut walaupun mereka tidak profesional seperti pelakon sebenar (Wahida, 2006).

Seterusnya perbincangan berpusat mengenai isi karya di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* karya Hatta. Bidang penulisan tidak sahaja memerlukan bakat dan kemahiran semula jadi, tetapi seseorang pengarang itu harus mempunyai visi, aspirasi dan perjuangan dalam menyungah karyanya. Ilham yang datang terlebih dahulu mestilah diteliti dan difikirkan buruk baiknya, kemudian barulah dituliskan dengan penuh kesedaran. Kemuliaan sesebuah karya sastera adalah disebabkan oleh adanya unsur-unsur falsafah, pemikiran atau premis yang menjadi tulang belakang karya tersebut. Karya yang baik haruslah bermoral dan ketinggian sesebuah karya pula bergantung kepada ketinggian moral tersebut. Aspek isi ialah cerita dan persoalan yang dibincangkan di dalam karya. Isi karya pula ditentukan oleh corak dan aliran masyarakat waktu itu, lebih-lebih lagi persoalan yang menjadi topik semasa. Oleh itu, aspek isi yang dilakukan analisis ialah tema, persoalan, pemikiran, mesej, motif dan falsafah seperti yang terdapat di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*.

Tema ialah subjek yang menjadi dasar sesuatu perbincangan, wacana, karangan, cerita dan sebagainya (Noresah, 2013). Tema juga dapat dikatakan sebagai intipati drama yang boleh juga disifatkan sebagai gagasan, matlamat, idea pusat ataupun isi intelektual drama yang sudah dipadatkan (Said Halim, 2009). Tema dalam kesusasteraan adalah pertemuan dari hasil pemikiran penyair itu sendiri dengan keadaan sekeliling yang mempengaruhinya. Maka tema dalam kesusasteraan bukanlah suatu yang turun begitu saja (Usman, 1963). Secara ringkasnya, tema ialah persoalan utama yang diungkapkan dalam sesebuah karya, sama ada secara langsung (eksplisit) atau tidak langsung (implisit). Di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Ma Tang Tu* tema yang diangkat oleh Hatta ialah mengenai kemanusiaan. Secara keseluruhannya, muzikal ini mengisahkan mengenai usaha Juliet yang dibantu oleh lima orang pelajar universiti tempatan dalam menegakkan keadilan iaitu usaha untuk merealisasikan pembikinan teater yang akan dimainkan wataknya oleh warga tulen, iaitu watak sebenar yang digunakan oleh pencipta drama di dalam karyanya. Hal ini demikian kerana warga tulen yang diselidik itu lebih berwibawa dan lebih handal menghidupkan “peranan” mereka. Keadilan yang ingin ditegakkan oleh para penyelidik adalah salah satu sifat kemanusiaan yang perlu dilakukan oleh setiap individu bersesuaian dengan fitrah dan tuntutan hati nurani.

Persoalan ialah sesuatu yang dipersoalkan dan masalah (Noresah, 2013). Biasanya sesebuah karya sastera seperti novel atau drama akan mengandungi beberapa persoalan. Persoalan-persoalan itu merupakan elemen yang membina tema atau persoalan pokok karya. Berdasarkan persoalan yang terdapat dalam karya maka keadaan ini secara tidak langsung membantu pembaca menyatakan pemikiran yang hendak disampaikan oleh pengarang setelah selesai pembacaan (Mana, 2006). Selain itu, persoalan merupakan perkara-perkara sampingan atau isi yang lebih kecil yang ada hubungannya dengan tema karya tersebut. Di antara persoalan yang diutarakan oleh Hatta di dalam drama muzikal ini ialah tolong-menolong, menuntut ilmu, menepati janji, keadilan, persediaan diri, kesedaran diri, berkeyakinan, bermotivasi dan berdisiplin.

Kritikan sastera pasti mengandungi pemikiran, walau pendekatan apa sekalipun yang digunakan oleh pengkritik. Pemikiran sangat penting sama ada ketika pengkritik membicarakan karya sastera

secara praktis atau ketika menulis esei ataupun kritikan teoritis (Rahman, 1994). Di dalam penulisan Masrizayu (2006), menurut Othman Kelantan pemikiran bermaksud idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan kritikan dalam mindanya untuk memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Pemikirannya disebarkan ke dalam atau ke luar lingkungan masyarakatnya. Mana Sikana menjelaskan pemikiran sebagai gagasan atau persoalan induk. Di dalam pendekatan moral, aspek pemikiran mestilah diutarakan sama ada pengarang mengeksplisitkan atau mengimplisitkan pemikiran di dalam karya mereka. Dengan demikian, apa-apa yang ingin disampaikan oleh pengarang merupakan pemikiran iaitu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran penyair atau pengarang. Justeru itu, setelah meneliti persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Hatta, maka pemikiran yang dibawanya lebih memperlihatkan golongan yang lemah dan tidak professional akan diketepikan hak mereka walaupun telah jelas kebenarannya.

Mesej pula merupakan sesuatu gagasan dan pengajaran yang hendak disampaikan dalam sesuatu karya sastera (Noresah, 2013). Mesej dan perutusan selalunya difahami sebagai suatu risalah atau amanat penggerak kepada penciptaan sesebuah karya sastera di samping ia mempunyai kaitan dengan motif dan tujuan. Setiap penulis yang menghasilkan sesebuah karya sudah tentu terdapatnya motif atau tujuan yang tersendiri yang perlu disampaikan melalui mesej dan perutusan (Mana, 2006). Secara keseluruhan, mesej yang hendak disampaikan oleh Hatta ialah mengenai usaha-usaha bagi mengembalikan keadilan kepada golongan yang sepatutnya. Usaha-usaha tersebut bersesuaian dengan nilai kemanusiaan yang selayaknya diterima oleh setiap manusia. Usaha ini telah dilakukan oleh Sukarman dan rakan-rakan yang lain bagi memberikan peluang kepada warga pangsapuri Seri Wangi yang sepatutnya memainkan watak sebenar dalam siri sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Warga Seri Wangi akhirnya diberikan peluang dalam menjayakan *Muzikal Seri Wangi Pi Mai Pi Mai Tang Tu* atas usaha lima orang pelajar IPT bersama Juliet, guru vokal dan Wak Patah Kaki sebagai penyelidik dan penulis skrip muzikal terbabit.

Motif pula bermaksud dasar fikiran atau pendapat pengarang terhadap karya. Di dalam drama ini, motif yang dibawa oleh pengarang ialah untuk mendidik masyarakat supaya hidup dalam sistem nilai yang menjadi adat budaya di negara ini. Pengarang mengangkat isu-isu masyarakat untuk membuka mata masyarakat bahawa segala yang berlaku di sekeliling mereka dijadikan bahan untuk memberi pengajaran kepada orang lain dan diri mereka sendiri. Segala yang diperlihatkan oleh pengarang bertujuan untuk memberi didikan dan garis panduan dalam sistem kehidupan bermasyarakat. Segala yang baik dijadikan ikutan dan yang buruk dijadikan sempadan untuk mencipta sebuah masyarakat yang harmoni.

Sesebuah karya yang besar, selalunya mempunyai sesuatu semangat atau subjek penting, bermakna dan berbeza daripada karya biasa. Ia mengandungi idea atau ideologi atau kata-kata yang lebih abstrak, iaitu falsafah. Falsafah ialah sistem idea atau ideologi pengarang yang dapat dilihat daripada gagasan pemikiran bagi membincangkan sesuatu topik yang bercorak ilmiah dan intelektual, sementara propaganda pula cuba menonjolkan sesuatu subjek untuk dipopularkan. Berdasarkan *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, Hatta telah membawa falsafah mengenai setiap orang seharusnya mendapatkan hak dan keadilan di dalam kehidupan mereka. Walaupun kedudukan mereka adalah di tahap yang rendah, maka golongan yang lain tidak boleh memperlekeh-lekehkan mengenai hak mereka. Di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, falsafah Hatta jelas terpancar melalui perbuatan yang tidak mengikut peraturan oleh pihak penerbitan sitkom televisyen yang dikatakan meniru bulat-bulat watak-watak penduduk pangsapuri Seri Wangi dan mengatakan bahawa watak dan situasi yang berkaitan dalam rancangan tersebut tiada kaitan dengan sesiapa sama ada yang masih hidup atau telah meninggal dunia. Keadaan ini telah membuatkan warga tulen pangsapuri Seri Wangi merasa kecewa dan terkilang kerana mereka seperti tidak dihargai dan tidak dibayar walau dalam jumlah yang sedikit pun.

Di dalam sesebuah penulisan, tujuan karya itu dihasilkan adalah untuk menerapkan unsur pengajaran dan nilai yang ditujukan kepada khalayak supaya dapat dijadikan pedoman dan panduan dalam kehidupan. Dapatan mendedahkan pembaca mengenai unsur-unsur pengajaran dan juga nilai yang berjaya dikupas berdasarkan drama *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Hatta berjaya memperkatakan mengenai isu masyarakat dengan mengetengahkan pelbagai situasi dan keadaan yang dapat dijadikan bahan didikan khususnya dalam kehidupan bermasyarakat. Kebiasaannya nilai akan dijadikan sumber rujukan dan ikutan kerana sifat kebaikan yang dibawa manakala pengajaran lebih

dilihat dari sudut negatif kerana dengan unsur-unsur negatif yang diserlahkan akan dijadikan iktibar dan sempadan dalam kehidupan. Antara nilai yang berjaya dirungkai di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* ialah nilai kerjasama, kerajinan, kejujuran dan menepati janji manakala pengajaran pula ialah jangan berburuk sangka, berusaha dalam menuntut ilmu, mengelak perbuatan mencarut dan elakkan berhutang.

Rumusan

Kajian terhadap *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang menggunakan pendekatan moral bertujuan untuk mendedahkan aspek dalaman teks, pengajaran dan termasuk juga latar belakang Hatta Azad Khan sebagai pengarang. Dapatan secara terperinci menjelaskan kepengarangan Hatta yang merupakan anak kelahiran Jerneh, Terengganu. Penglibatan beliau dalam dunia drama dikesan pada tahun 1970-an iaitu pada tahap ketiga perkembangan drama. Ia merupakan zaman drama ekperimental di Malaysia. Pada tahap ini Hatta bersama dramatis yang lain berusaha untuk menjelajah lebih jauh akan hal-hal imaginasi dari yang sedia wujud juga usaha untuk kembali ke asal usul teater tradisi. *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* merupakan pengolahan dan pengembangan daripada sitkom televisyen *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang merupakan satu muzikal menarik bukan sahaja dari segi bahan penceritaan tetapi juga dari segi pengupasan dan pemaparan antara lakonan dan realiti, permainan dan kenyataan, pelakon dan individu.

Selain itu, dapatan membuktikan tentang isi karya di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang berjaya dikupas dengan menggunakan pendekatan moral. Isi karya menjadi aspek yang penting apabila mengaplikasikan pendekatan moral terhadap sesebuah karya. Ia berkaitan dengan tema, persoalan, pemikiran, mesej, motif dan falsafah yang terdapat di dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Sesebuah karya yang dihasilkan bertujuan untuk membawa sesuatu mesej kepada khalayak dan mesej yang terkandung mempunyai kaitan dengan tema karya tersebut. *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* mengangkat tema kemanusiaan dan persoalannya adalah berkisar tentang masyarakat. Hal ini demikian kerana Hatta sememangnya seorang dramatis yang berkesedaran sosial yang tinggi. Beliau berusaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kehidupan yang ada kalanya tidak baik untuk diamalkan selain perbuatan yang baik ditekankan untuk dijadikan ikutan.

Seterusnya dapatan juga menyentuh mengenai unsur pengajaran dan nilai seperti yang terdapat dalam *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Tujuan penulisan sesebuah karya adalah untuk menerapkan unsur pengajaran dan nilai yang ditujukan kepada khalayak supaya dapat dijadikan pedoman dan panduan dalam kehidupan. Hatta juga tidak ketinggalan memperkatakan mengenai isu masyarakat dengan menengahkan pelbagai situasi dan keadaan yang dapat dijadikan bahan didikan khususnya dalam kehidupan bermasyarakat. Kebiasaannya nilai dijadikan sumber rujukan dan ikutan kerana sifat kebaikan yang dibawa. Oleh hal yang demikian, kajian yang dilakukan terhadap *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dengan menggunakan pendekatan moral, mendapati bahawa penggunaan pendekatan moral adalah sesuai bagi menganalisis aspek moral yang dimasukkan oleh Hatta di drama *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu*.

Rujukan

- Abdul Rahman (1991) Drama Teater 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu' dan "2 + 1": Satu analisis perbandingan mengenai hiburan dan sindiran. (Tesis). Institut Teknologi Mara.
- Ahmad ZB (2010) Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama "Patung-patung" dari perspektif teori Persuratan Baharu. (Tesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dewan Sastera (1982) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hatta AK (2008) *Tiga Teater Muzikal*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Irasha I (1999) Kajian tentang kritikan drama dalam Dewan Sastera di Malaysia. (Tesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krishen J (1982) Hatta Azad Khan dan Teater Kontemporari di Malaysia. *Dewan Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mana S (1981) *Drama Malaysia 70-an. Dewan Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mana S (1998) *Teori dan pendekatan kritikan Sastera Moden*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam.
- Mana S (2006) *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Penerbit Pustaka Karya, Singapura.
- Masrizayu M (2006) *Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim*. (Tesis). Universiti Putra Malaysia.
- Mawaddah AS (2004) *Drama Muzika di Malaysia: Satu kajian bentuk dan ciri*. (Tesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Nazihah S (2011) *Hikayat Khalilah dan Daminah: Satu analisis dari pendekatan moral*. (Tesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azlina M (2011) *Hikayat Bakhtiar: Kajian teks berdasarkan pendekatan moral*. (Tesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noresah Baharom (pnyt) (2013) *Kamus dewan edisi keempat*. Ed-4. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rahman Shaari (1994) *Krtikan Sastera Melayu: Pendekatan dan pemikiran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Raja Sabaradin RA (1998) *Drama sebagai media pengajaran–pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah*. (Tesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said Halim Said Nong (pnyt) (2009) *Apresiasi seni teater Malaysia*. Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shaiful Bahri MR (2016) *Sains sosial dan kemanusiaan: Penyelidikan kualitatif*. Global Mediastreet Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Usman Awang (1963) *Tema dan tugas Sastera Melayu Moden*. Penerbitan Federal Berhad, Singapura.
- Zainon SA (2008) *Sastera Melayu Moden dan kritikan Sastera STPM*. Crescent News (KL) Sdn. Bhd., Selangor.
- Wahida Asrani (2006) *Pi Mai Pi Mai Tang Tu Versi Muzikal di IB*.